

## RENCANA UTAMA

Oleh: Fatin Syazana Zulkafali

# HASIL TERAS KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA

“Selaku ketua agensi yang baharu, saya merasakan perjalanan tahun hadapan dan tahun seterusnya adalah signifikan dan mencabar bukan hanya kepada negara, malah penting kepada HASiL untuk membina kembali pertumbuhan ekonomi, di samping mengukuhkan kedudukan fiskal yang mampan,” ujar Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi ketika memulakan bicara semasa diwawancara oleh Sidang Editor *Dewan Masyarakat (DM)*, di Menara HASiL, Cyberjaya.





**D**ahulu entiti ini dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) yang diperbadankan pada 1 Mac 1996 dan kini digelar sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM, juga dikenali sebagai HASiL). Ditubuhkan di bawah Akta LHDNM 1995, HASiL bertindak sebagai agensi utama di bawah Kementerian Kewangan Malaysia untuk memberikan perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai langsung negara.

Cukai langsung ditakrifkan sebagai kewajipan kewangan, yakni fi yang dikenakan oleh kerajaan terhadap individu atau organisasi berdasarkan pendapatan dan aktiviti ekonomi mereka. Pendapatan ini kebiasaannya diperoleh daripada penerimaan ganjaran, emolumen atau gaji, atau untung bersih perniagaan.

Menurut pakar ekonomi, cukai merupakan sumber hasil pendapatan utama di Malaysia dan beberapa negara seantero dunia, termasuklah negara maju seperti Amerika Syarikat, Singapura dan Jerman. Di Malaysia, cukai pendapatan menyumbang lebih daripada 50 peratus kepada Belanjawan Persekutuan yang dibentangkan

di Parlimen pada setiap tahun. Hal ini sekali gus membuktikan cukai merupakan sumber utama pendapatan negara.

Bertepatan dengan visi untuk kekal relevan menjadi “Pentadbir Cukai Terunggul”, organisasi ini meletakkan harapan untuk meningkatkan kecekapan selaku ejen kutipan hasil kepada kerajaan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dalam usaha menyuntik semula sumber kewangan tatkala negara mengharungi cabaran pascapandemik COVID-19. Inisiatif yang diperkenalkan oleh HASiL seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), lebih-lebih lagi dalam konteks menyemai aspirasi Keluarga Malaysia.

### **Semangat Keluarga Malaysia**

Mengambil ilham daripada konsep Keluarga Malaysia, perkara yang sama diterapkan di dalam “rumah” HASiL dengan semangat bersatu hati demi sebuah keluarga yang utuh yang di dalamnya terkandung tiga teras utama, iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran demi kesejahteraan negara, khususnya dalam aspek percukaian. Antara bidang keutamaan HASiL ialah mentadbir undang-undang


percukaian, memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dan melaksanakan program bantuan khas kerajaan.

“Saya berpandangan bahawa anjakan paradigma dalam penghayatan budaya korporat HASiL perlu dikaji semula dengan lebih rasional dan bersifat terbuka. Inilah masanya untuk HASiL melakukan ‘anjakan paradigma, anjakan pemikiran dan anjakan persepsi’ sebagai pentadbir cukai langsung negara.

“HASiL bukan hanya bertanggungjawab untuk memungut cukai semata-mata, namun turut memastikan pematuhan cukai secara sukarela menjadi budaya dan amalan kepada setiap pembayar cukai,” jelas YBhg. Datuk Mohd Nizom yang berhasrat agar rakyat dapat melaksanakan tanggungjawab untuk menjadi kompas dan mengemudi pembangunan ekonomi berstatus negara maju.

Bagi menjayakan hasrat ini, HASiL komited meningkatkan moral cukai yang tinggi dalam kalangan rakyat bahawa tindakan membayar cukai ialah tindakan yang baik dan membentuk sikap sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Walaupun

“Saya percaya maklum balas daripada rakyat sangat berharga dan boleh dijadikan panduan dalam pengurusan permintaan yang kemudiannya akan menghasilkan polisi percukaian dan perkhidmatan yang terbaik serta berkesan.”



pendekatan Sistem Taksir Sendiri dan tindakan pematuhan cukai secara sukarela diuar-uarkan, namun terdapat sekelompok pembayar cukai yang masih tidak peka, malah beranggapan bahawa HASiL sebagai agensi yang tidak “berhati perut” kerana melaksanakan pemeriksaan terhadap pelaporan pendapatan pembayar cukai.

Pada hakikatnya, HASiL sentiasa memastikan keadilan untuk membantu pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab dengan betul melalui pelbagai medium pendidikan cukai, contohnya daripada bercetak hinggalah secara dalam talian, audio dan visual. Pelan Hala Tuju Pembayar Cukai turut disediakan sebagai garis panduan kepada mereka dari semasa ke semasa agar tidak culus terhadap undang-undang negara. Sekiranya gagal dipatuhi, HASiL akan mengenakan penalti seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, namun tidak mengenakan penalti sewenang-wenangnya kepada pelanggan.

Menyedari akan kepentingan ini, sistem pentadbiran percukaian sedia ada perlu beralih kepada konsep pematuhan mengikut reka bentuk (*compliance by design*). Dalam erti kata lain, sistem direka menjadi satu platform yang mendorong pembayar cukai untuk membayar cukai.

(Sumber: HASiL)

# PELAN KORPORAT LHDNM 2021-2025



**HASIL**

## PENTADBIR CUKAI TERUNGGUL

### BIDANG KEUTAMAAN



### TERAS STRATEGIK

1. Pematuhan cukai secara sukarela
  - Tahap kesedaran pematuhan sukarela yang tinggi.
  - Penjanaaan hasil negara pada tahap optimum.
  - Pentadbiran perundangan percukaian berteraskan prinsip kedaulatan undang-undang.
  - Perluasan jaringan percukaian.
2. Penyampaian perkhidmatan berorientasikan pelanggan
  - Penyampaian perkhidmatan berkualiti.
  - Reputasi dan imej korporat cemerlang.
  - Pemantapan sistem tadbir urus dan kawalan dalaman.
  - Pembudayaan pengurusan risiko dan integriti.
3. Sistem dan proses kerja yang efektif dan efisien
  - Pemodenan sistem aplikasi dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi.
  - Pengurusan kos yang cekap dan berkesan.
  - Perekayasaan proses dan prosedur kerja.
  - Pelaksanaan amalan hijau mampan.
4. Pengurusan organisasi dinamik dan berprestasi tinggi
  - HASiLian kompeten dan profesional.
  - Persekitaran kerja kondusif dan selamat.
  - Kelestarian kepimpinan dan kepakaran.
  - Organisasi dinamik.

### NILAI TERAS

Happy  
TeAmwork  
ProfeSsionalism  
Integrity  
Excellence

**H** Hasil sentiasa ceria dan seronok

**A** Bekerja dalam satu pasukan

**S** Dengan profesional

**i** Berteraskan integriti

**L** Untuk mencapai kecemerlangan

### INISIATIF PENDIGITALAN

**28** Perkhidmatan dalam talian.

**6** Aplikasi kepada pelanggan, khususnya kepada pembayar cukai.



Misalnya, pengenaan Potongan Cukai Bulanan (PCB) secara automatik kepada pembayar cukai mengikut kadar tertentu.

“Walau bagaimanapun, saya akui melakukan perubahan bukanlah tugas yang mudah, namun kami tetap optimis bahawa perubahan yang dilakukan dapat memberikan impak yang positif,” jelas beliau dalam usaha memastikan reputasi dan imej HASiL dihormati sebagai rakan strategik yang erat mendekati rakyat, dan bukannya “lembaga” yang menakutkan.

### Pelan Strategik dan Cabaran Semasa

Pelan Korporat LHDNM 2021–2025 dibangunkan sebagai satu kerangka utama hala tuju HASiL dalam tempoh lima tahun akan datang. Penghasilan pelan ini bertepatan dengan mengambil kira perubahan landskap sosioekonomi dan cabaran semasa sebagai persediaan organisasi untuk memenangi kembali kepercayaan semua pihak, terutamanya pihak berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan. Tambah beliau, teras strategik pelan ini menjadi rujukan penting kepada pelaksanaan strategi melalui pengagihan ekonomi secara adil, saksama dan inklusif seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Gelombang pendigitalan memberikan kesan terhadap pengurusan pentadbiran HASiL dalam mengadaptasi dan mengeksploitasi setiap peluang serta perubahan terhadap satu sistem percukaian yang komprehensif. Fokus utama HASiL pada ketika ini ialah pmodenan sistem cukai dan pembangunan teknologi menerusi Pelan Transformasi Hasil yang dilihat berupaya meningkatkan pematuhan

cukai, menutup ketirisan hasil, mengesan pembayar cukai yang culas, membantu pemantauan aktiviti ekonomi sedia ada yang terkeluar dari radar, seperti ekonomi bayangan dan kemuncaknya berupaya melonjakkan peningkatan hasil negara.

Sejak dahulu lagi, keutamaan HASiL adalah untuk meningkatkan kecekapan pemungutan cukai dengan kos yang minimum. Berdasarkan kajian, trend kutipan hasil dilaporkan meningkat, yakni lebih daripada RM100 bilion dikutip pada setiap tahun sejak tahun 2011 sehingga kini. Lebih membanggakan lagi, pencapaian membuat kutipan cukai tersebut diiringi dengan kos kecekapan pungutan yang rendah pada setiap tahun, iaitu tidak melebihi RM2.00 bagi setiap RM100 cukai langsung yang dikutip. Hal ini menunjukkan bahawa satu pencapaian yang sangat cemerlang berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Tambah beliau, yang lebih membanggakan, pencapaian tersebut membuatkan kutipan cukai diiringi dengan kos kecekapan pungutan yang rendah pada setiap tahun. Dengan adanya sistem *Go Digital for Future Services* secara dalam talian, hal ini dapat memenuhi kehendak dan keperluan semasa pelanggan, khususnya memudahkan urusan pembayar cukai.

Sehingga kini, HASiL berjaya menawarkan 28 perkhidmatan secara dalam talian dan enam aplikasi digital.

Kebanyakan perkhidmatan tersebut boleh dicapai melalui sistem MyTax yang berupaya menjadi pusat gerbang maklumat dan pusat sehati bagi pembayar cukai. Begitu juga dengan pelaksanaan HiTS, iaitu pembangunan web berasaskan penyeragaman sistem dengan mengintegrasikan sistem korporat dengan sistem sokongan secara waktu nyata.

Melalui e-perkhidmatan HASiL, pembayar cukai dapat mengakses maklumat seperti transaksi lejar, status bayaran balik, potongan cukai bulanan, jadual ansuran CP500 dan status Sijil Penyelesaian Cukai (SPC). Selain itu, capaian e-Filing, ByrHASiL, e-Daftar dan lain-lain juga disediakan untuk memudahkan pelanggan serta menjimatkan masa, tenaga dan kos bagi kedua-dua pihak.

### Komitmen HASiL kepada Rakyat

“Saya percaya, maklum balas daripada rakyat sangat berharga dan boleh dijadikan panduan dalam pengurusan permintaan yang kemudiannya akan menghasilkan polisi percukaian dan perkhidmatan yang terbaik serta berkesan,” ujar YBhg. Datuk Mohd Nizom yang terus menggiatkan usaha mendekati rakyat, khususnya pembayar cukai bersama-sama pasukannya.



Tambah beliau, pembayar cukai mempunyai hak untuk membuat rayuan seperti pengurangan penalti, dan pihak HASiL akan memberikan pertimbangan serta meluluskan rayuan yang mempunyai asas kukuh. Manakala bagi isu pemprosesan pelbagai permohonan bantuan khas kerajaan pula, HASiL tidak hanya berurusan dengan pembayar cukai yang dikategorikan dalam kelompok T20 dan M40, sebaliknya pada masa ini HASiL turut memberikan perkhidmatan kepada kelompok B40 yang juga merupakan golongan sasaran penerima bantuan kerajaan.

Sebagai agensi yang diberikan tanggungjawab memproses permohonan, HASiL diberikan amanah untuk memastikan bantuan tunai berkenaan dinikmati oleh penerima yang layak sahaja. Proses kelulusan dibuat dengan sangat teliti melalui saringan semakan silang dengan data pelbagai agensi kerajaan bagi mengelakkan penipuan atau pemalsuan maklumat pemohon.

Sebanyak 22 juta rakyat telah berjaya mengakses portal permohonan bantuan tunai untuk meringankan beban rakyat, khususnya golongan terjejas dalam tempoh krisis ini. Penglibatan HASiL dalam program pakej rangsangan ekonomi secara langsung memperlihatkan Keluarga HASiL memainkan peranan dan

## **HASiL turut bersolidariti menangani pandemik COVID-19 dengan menyumbangkan sejumlah RM459 590 pada Akaun Amanah Bencana, iaitu kesinambungan usaha HASiL secara berterusan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia terus terpelihara.**

tanggungjawab memberikan manfaat kepada rakyat yang memerlukan menerusi suatu bentuk pulangan moral yang diperoleh daripada aktiviti kutipan cukai.

Sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), HASiL bertindak pantas membantu kerajaan menerusi pakej cukai, antaranya menangguhkan tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) selama dua bulan dan menawarkan kaedah ansuran untuk melunaskan amaun cukai yang perlu dibayar.

HASiL turut bersolidariti menangani pandemik COVID-19 dengan menyumbangkan sejumlah RM459 590 pada Akaun Amanah Bencana, iaitu kesinambungan usaha HASiL secara berterusan dalam usaha memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia terus terpelihara. Selain itu, penyerahan sebanyak 15 090 bakul makanan melalui Program CSR HASiL Prihatin diadakan dengan memfokuskan kelangsungan hidup golongan rentan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

### **Pembudayaan Integriti**

Agensi ini turut bertanggungjawab mengawal selia setiap insentif percukaian yang diberikan oleh kerajaan agar dituntut dengan betul dan dapat disalurkan kepada golongan sasaran. Tidak dinafikan bahawa jatuh bangun agensi ini amat bergantung pada keutuhan nilai integriti yang ditanam dalam setiap jiwa dan raga HASiLian. Hal ini demikian kerana pembentukan budaya integriti yang tinggi dapat menjamin imej dan reputasi organisasi agar terus diyakini oleh masyarakat.

“Melalui Pelan Antirasuah LHDNM (PeARL), pengukuhan nilai integriti dalam setiap inisiatif dan strategi ke arah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan akan terus menjadi keutamaan dalam organisasi ini.

“Berebalkan semangat, kesungguhan dan keazaman, HASiLian akan memastikan organisasi ini terus berevolusi serta mengamalkan tadbir urus yang cekap, berkesan, amanah, berintegriti dan penuh akauntabiliti,” akhiri YBhg. Datuk Mohd Nizam dalam sesi wawancara khas bersama-sama sidang editor *Dewan Masyarakat*. □



# ASPIRASI 36 TAHUN MENABUR BAKTI

**T**arikh keramat 19 Oktober 2021, YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) untuk terus menyambung legasi mencapai visi HASiL menjadi sebuah pentadbir cukai terunggul selari dengan aspirasi kerajaan berkonsepkan “Keluarga Malaysia” berlandaskan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Rukun Negara.

Melihat dari sudut jangka panjang, anak jati kelahiran Selangor, Darul Ehsan ini berpendapat bahawa sebagai pentadbir cukai langsung negara, apabila munculnya situasi genting seperti sekarang, HASiL perlu melihat perkara ini secara “menang-menang”, bahkan HASiL perlu berusaha mencapai keseimbangan antara kepentingan HASiL sendiri dengan tanggungjawab sosial (sumbangan terhadap masyarakat) meskipun negara berdepan dengan situasi ekonomi yang kurang stabil.

YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi, 58 tahun, yang memegang ijazah sarjana dari Lawrence Technological University, Amerika Syarikat mula berkhidmat di HASiL pada 13 November 1985 memiliki pengalaman yang luas dalam bidang percukaian langsung, iaitu merangkumi operasi percukaian dan pungutan cukai, percukaian antarabangsa, serta latihan percukaian.

Sebelum menjawat portfolio mengetuai agensi ini, YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan). Beliau juga pernah menyanggah beberapa jawatan penting, termasuklah

Pengarah Jabatan Siasatan, Pengarah Akademi Percukaian Malaysia, Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai dan Pengarah Negeri Perak.

Dengan berbekalkan pengalaman dan kepakaran selama 36 tahun berkhidmat di HASiL, YBhg. Datuk Mohd Nizom berkata “Walaupun negara terpaksa hidup dalam endemik COVID-19, adalah menjadi satu tanggungjawab untuk kita terus berusaha melakukan yang terbaik, termasuklah menyemai budaya integriti dalam keluarga, menjadikan budaya amanah sebagai budaya keluarga, menjadikan prinsip keadilan sebagai teras pengukuhan keluarga dan menjadikan amalan bermusyawarah sebagai amalan keluarga.”

“Untuk membolehkan HASiL terus mendukung usaha kerajaan, pada permulaan kepimpinan saya, saya menyeru semua HASiLian untuk menyelami semula fungsi dan peranan utama HASiL,” jelas Ketua Pegawai Eksekutif HASiL yang baharu ini untuk memastikan hasil negara terus menjadi benteng kemajuan dan keamanan negara.

HASiLian perlu membawa wajah yang sebenar, iaitu wajah sebagai pemudah cara dalam memberikan perkhidmatan mesra kepada pelanggan, memiliki tahap kompetensi dan ilmu pengetahuan percukaian yang tinggi berbanding dengan tindakan penguatkuasaan. Oleh itu, HASiL perlu lebih menghampiri dan memahami pembayar cukai berteraskan perkhidmatan sebagai pentadbir cukai langsung yang terunggul di negara, seterusnya menjadi contoh kepada negara luar.

Walaupun negara terpaksa hidup dalam endemik COVID-19, adalah menjadi satu tanggungjawab untuk kita terus berusaha melakukan yang terbaik, termasuklah menyemai budaya integriti dalam keluarga, menjadikan sifat amanah sebagai budaya keluarga, menjadikan prinsip keadilan sebagai teras pengukuhan keluarga serta menjadikan amalan bermusyawarah sebagai amalan keluarga.

**YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi**  
Ketua Pegawai Eksekutif HASiL





# HASiL BERPAKSIKAN BUDI BICARA DAN KETERTIBAN

Sebut sahaja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM atau lebih dikenali sebagai HASiL) pastinya pelbagai persepsi, andaian dan pandangan masyarakat yang berbangkit tentangnya. Di sebalik perkara tersebut, sebenarnya begitu banyak jasa yang telah sumbangkan kepada tabung perbendaharaan negara.

**D**i Malaysia, HASiL merupakan institusi kewangan milik kerajaan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Agensi ini memainkan peranan utama sebagai pentadbir dalam usaha memungut hasil cukai langsung di Malaysia dan menjadi tanggungjawabnya untuk sentiasa memastikan kerajaan mempunyai dana yang kondusif.

Di negara ini, daripada pelbagai cukai yang ada, cukai yang kerap menjadi polemik besar tertumpu kepada cukai pendapatan. Sesetengah masyarakat di negara ini kelihatannya masih kurang kesedaran tentang kepentingan hasil cukai

terhadap pembangunan negara. Mereka lebih rela bersusah-payah memikirkan strategi untuk mengelakkan diri daripada berkongsi sedikit keuntungan kepada negara asalkan tidak mengeluarkan wang simpanan mereka untuk tujuan tersebut. Bahkan, ada yang turut terjerat menjadi mangsa penipuan hanya kerana untuk “menyelesaikan” cukai dengan amaun yang lebih rendah.

Maka itu, lahirlah idea-idea di luar kotak seperti menyimpan wang di negara luar, menyorok hasil keuntungan dan pendapatan, ataupun terlibat dengan aktiviti “mencuci wang” yang dilakukan secara pintu belakang. Fikirkan kembali, HASiL selaku pihak berautoriti sudah pasti tidak akan membiarkan hal ini daripada terus berleluasa kerana pada akhirnya tindakan tidak bertanggungjawab sebegini bukan sahaja mencemarkan nama baik HASiL, malah turut memberikan kesan kepada hasil pendapatan negara.

Sebenarnya, begitu besar beban yang dipikul HASiL dalam memastikan Malaysia mendapat “bahagian” melalui hasil cukai pendapatan yang dipungut. Bebanan tugas HASiL sukar untuk membenarkannya “menjaga hati” seluruh masyarakat. Demi mewujudkan autoriti kepada HASiL, maka wujudnya Akta Cukai Pendapatan 1967 yang memberikan kuasa kepada agensi tersebut untuk menjadi badan utama yang bertanggungjawab memungut cukai langsung di Malaysia. Atas pemautan pada lunas autoriti, HASiL perlu bertegas dalam melaksanakan satu tanggungjawab besar dan sebahagian anggota masyarakat pasti “terluka” dengan ketegasannya.

Pada masa ini, HASiL kelihatannya begitu bekerja keras untuk memungut cukai, melalui pemburuan besar-besaran terhadap mereka yang lari daripada “memulangkan” hak negara. Suatu yang jelas, tindakan ini bersebab dan bukanlah atas dasar untuk menekan rakyat. Apakah kita sedar betapa negara kehilangan banyak hasil semasa era pandemik ini? Hal ini disebabkan kerajaan terpaksa berbelanja

lebih untuk membantu rakyat setelah COVID-19 melanda. Oleh sebab itu, dari manakah lagi datangnya bantuan kerajaan jikalau bukan melalui hasil cukai yang dikuatkuasakan kutipannya?

Pada tahun 2020, kerajaan menetapkan jumlah kutipan cukai langsung sebanyak RM127 bilion dan terus meningkat pada tahun 2021 dengan sasaran kutipan sebanyak RM143.9 bilion. Lantas, apakah pilihan yang ada? Sasaran yang telah diletakkan oleh pihak kerajaan harus dipatuhi oleh pihak HASiL, sekali gus menjadi medium ukuran prestasi buat HASiL. Mahu tidak mahu, HASiL tetap perlu melaksanakan tanggungjawabnya dengan seadil-adilnya. Oleh hal yang demikian, tidak menjadi kejanggalan jika pada hari ini rakyat melihat ketegasan HASiL melalui tindakannya “mengejar” mereka yang lupa akan tanggungjawabnya. Akhirnya, pelbagai kecaman dilemparkan ke atas agensi tersebut melalui pelbagai medium media sosial. Ada kalanya, kecaman yang dibuat agak berlebihan seolah-olah HASiL begitu kejam terhadap orang kebanyakan.

Realitinya, HASiL tidaklah begitu zalim waima bersifat kejam dan menindas. Kesemua tindakannya berpaksikan pada prosedur, ketertiban dan ruang budi bicara

serta rayuan. Atas dasar itu, aturan untuk mewajibkan rakyat mengesahkan dan mengisytiharkan pendapatan kepada pihak HASiL perlu dipatuhi agar tidak berlakunya masalah pada kemudian hari. Sebagai rakyat yang prihatin, kita seharusnya cakna terhadap sistem percukaian negara kerana jika kita memahami dan menuruti aturannya, nescaya kedua-dua pihak, sama ada individu mahupun HASiL tidak perlu melalui jalan yang rumit pada masa akan datang.


Jika dikatakan sistem cukai pendapatan kita menindas, tidak jua tepat. Apabila diteliti, sebenarnya terdapat pelbagai kelonggaran secara “halal” yang boleh mengurangkan beban percukaian. Potongan cukai melalui pembelian barangan sukan, simpanan pelajaran anak-anak, pemeriksaan kesihatan, pembiayaan pendidikan, pembayaran zakat, pembelian peranti, pengambilan insurans dan berbagai lagi setidak-tidaknya membantu meringankan beban percukaian individu, malah pengurusan wang pembayaran cukai melebihi jumlah yang sepatutnya dibayar juga diuruskan dengan sistematik. Usai segala proses, HASiL akan mengembalikan jumlah lebih tersebut kepada pembayar. Justeru, label “semberono” yang sering dilemparkan kepada HASiL tidaklah begitu

beras kerana kesemua tindakannya berpaksikan tatacara yang jelas.

Meneliti secara lebihimbang dan adil, pada dasarnya, dalam ketegasan HASiL turut diselitikan dengan sikap dan budi bicara yang tinggi. Agensi ini masih memberikan kelonggaran kepada pihak yang dikenakan denda ataupun tidak mampu membayar dengan membuka ruang perbincangan bagi mencari penyelesaian yang efektif. Tidak timbul isu HASiL bertindak seperti “kuku besi” memandangkan agensi tersebut sentiasa terbuka untuk memunculkan situasi menang-menang yang memudahkan kedua-dua belah pihak.

Misalnya dalam era pandemik ini, HASiL masih bertimbang rasa dengan mengadakan pelbagai program untuk meringankan beban cukai rakyat. Di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), pihak HASiL memberikan penangguhan pembayaran ansuran cukai secara automatik kepada golongan yang terkesan termasuklah kelonggaran untuk penangguhan pembayaran cukai, penjadualan semula, dan penyemakan kembali jumlah penalti yang dikenakan melalui inisiatif PEMERKASA+. Itu pun masih banyak pihak yang tidak mengambil peluang dan tetap melemparkan persepsi negatif terhadap HASiL.

Maka itu, dakwaan yang mengatakan HASiL tidak bertimbang rasa merupakan satu pendapat yang prejudis. Jika dinilai secara total, kebanyakan golongan yang merungut dan diburu ini kebiasaannya terdiri daripada kes silam yang “digali” semula oleh HASiL. Seperti yang dinyatakan, demi mengelakkan masalah berbangkit pada kemudian hari, pastikan pendapatan kita diisytiharkan secara telus. Masalah mula timbul apabila hutang cukai ini dikumpulkan bagi tempoh yang lama, lalu menjadikan angka tersebut bertambah besar. Pada akhirnya, HASiL jua yang dilabelkan sebagai tidak berperikemanusiaan kerana menuntut kembali “hutang-hutang” negara yang ditangguhkan bagi tempoh yang lama. Inilah kesilapan yang perlu dielakkan!



**Penulis**, Calon Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Perubahan Sosial dan Impak, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

# ILTIZAM MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT BERINTEGRITI

Tinjauan Global Corruption Barometer 2017 mendapati bahawa satu daripada empat orang populasi dunia "menawarkan" rasuah bagi mendapatkan perkhidmatan kerajaan. Tinjauan yang sama di negara ini merekodkan 71 peratus populasi bersetuju bahawa rasuah merupakan masalah global yang semakin membarah. Agak mengejutkan apabila 13 peratus penduduk mengakui mereka pernah mendapat perkhidmatan kerajaan melalui sogokan.

Menurut statistik yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sehingga mencatatkan sebanyak 817 tangkapan oleh agensi berkenaan membabitkan kesalahan rasuah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 404 kes (49.5 peratus) membabitkan penjawat awam. Selebihnya 413 kes (50.5 peratus) pula membabitkan orang awam dan pekerja swasta. Data-data berikutnya seharusnya menjadi pembuka mata dan amaran berikutan trend jumlah tangkapan rasuah tidak berjaya diturunkan secara signifikan walaupun pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membendung gejala tidak bermoral ini.

Julat bilangan kes rasuah tidak banyak berubah semenjak tahun 2016 dengan 939 kes tangkapan. Manakala tangkapan kes rasuah pada tahun 2017 (879 kes), 2018 (894 kes), 2019 (1101 kes) dan 2020 (998 kes) masing-masing. Situasi ini semakin merisaukan apabila sepanjang enam tahun lalu separuh daripada kes rasuah yang berlaku di negara ini melibatkan penjawat awam.

Data dan dapatan ini mengundang persepsi negatif masyarakat bahawa banyak ketirisan berlaku dalam sektor awam, khususnya melibatkan hal ehwal kewangan dan perolehan kerajaan. Hal ini juga berkaitan rapat dengan kepincangan sistem pentadbiran yang menyebabkan kurangnya ketelusan dan pemantauan terhadap proses kerja.



**Rasuah dan salah guna kuasa masih berlaku biarpun pihak SPRM tidak pernah culas dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.**

Malahan sudah terang lagi bersuluh, beberapa kes rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku membabitkan agensi kerajaan termasuklah kes berprofil tinggi yang membabitkan kepentingan awam.

Selain daripada kes berprofil tinggi, kes rasuah membabitkan pelbagai agensi kerajaan sering menjadi bahan kandungan media bermula dengan sogokan sekecil nilai RM5 sehinggalah kes yang membabitkan tawaran jutaan ringgit dan habuan seks.

Pada masa yang sama, data turut menunjukkan bahawa Malaysia pada masa ini berada di kedudukan 57 daripada 180 buah negara dengan skor 51/100 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikaji oleh Transparency International (TI). Kedudukan Malaysia jatuh daripada tangga ke-51 dengan skor 53 pada tahun 2019. Sudah pasti rekod integriti negara boleh mengundang persepsi negatif kepada pelabur asing. Apatah lagi dunia tanpa sempadan dan maklumat boleh dimuat naik dan dimuat turun dengan mudah di hujung jari menyebabkan isu negatif boleh tersebar dengan pantas dan meluas.

Bukan sahaja isu rasuah yang dikhawatirkan, malah rekod integriti turut dilihat pada peringkat global. Indeks Integriti Awam (IPI) tahun 2019 menyenaraikan negara ini di kedudukan 44 dunia dengan skor keseluruhan sebanyak 6.98. Manakala negara Skandinavia mengungguli kedudukan terbaik seperti Finland (skor 9.40), Denmark (skor 9.49) dan Norway (skor 9.61). Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia dilihat jauh lebih baik berbanding dengan negara Asia Tenggara lain seperti Filipina (53), Timor-Leste (57), Indonesia (67), Vietnam (99), dan Myanmar (108). Kriteria yang diambil kira oleh IPI termasuklah kebebasan kehakiman, ketelusan belanjawan, kebebasan perdagangan dan perniagaan, birokrasi domestik dan kebebasan media.

Secara tuntasnya, pelbagai indeks dan pengukuran berkaitan dengan integriti dan

rasuah akan menjadi penanda aras ekonomi dan pembangunan negara kerana pelaburan dan perniagaan tidak dapat berkembang secara positif dalam nuansa tidak berintegriti. Tambahan pula, struktur ekonomi negara akan menjadi goyah apabila peraturan-peraturan yang berkaitan dikesampingkan.

Sementara itu, penjawat awam merupakan golongan berisiko tinggi dan mudah terdedah kepada gejala rasuah dan salah guna kuasa. Dengan kapasiti lebih daripada 1.6 juta pekerja, sektor awam merupakan penyedia perkhidmatan dalam pelbagai sektor yang terbesar di negara ini. Tambahan pula, projek, tender dan perolehan yang bernilai tinggi turut ditawarkan oleh agensi kerajaan yang memungkinkan pegawai awam berisiko untuk disogok. Oleh sebab itu, persepsi masyarakat mengenai gejala rasuah dan salah guna kuasa akan terarah kepada penjawat awam biarpun pada hakikatnya hanya segelintir dalam kalangan mereka menjadikan gejala negatif ini sebagai amalan gaya hidup.

Misalnya, terdapat kajian persepsi masyarakat yang menunjukkan hampir 80 peratus pegawai dan anggota Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negara ini mengamalkan rasuah. Walhal kajian ini cuma berkisar pada persepsi sebagai reaksi masyarakat terhadap beberapa isu "panas" yang berkaitan dengan kelemahan penguatkuasaan pihak berkuasa. Dakwaan pemilik Hot Burger Malaysia atau lebih dikenali sebagai "Asri Janggut" berkaitan dengan kewujudan premis judi dan kegiatan penjualan rokok seludup dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mendapat perhatian dan menyebabkan pihak berkuasa dituduh "pilih bulu" dalam penguatkuasaan undang-undang. Jelas sekali, tidak kira sama ada isu penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, rasuah, dan penyelewengan yang berlaku, tempiasnya tetap terpalit kepada penjawat awam.

Sementara itu, laporan kes rasuah membabitkan penjawat awam juga terus meningkat dalam tempoh

krisis pandemik COVID-19. Walaupun berapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kaedah Bekerja dari Rumah (BDR) dilaksanakan, namun gejala rasuah dan isu integriti tetap berlaku. Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat di tempat kerja semasa PKP tidak menghalang pelanggaran integriti. Sebaliknya, gejala ini berevolusi dalam bentuk baharu, misalnya terdapat penjawat awam mengambil kesempatan pada waktu BDR untuk menambah pendapatan menerusi aktiviti p-panggilan (p-hailing).

Pada hakikatnya, aktiviti sedemikian perlu dimaklumkan dan mendapat kelulusan ketua jabatan terlebih dahulu dan sudah semestinya tidak boleh dilakukan pada waktu bekerja. Walau apa-apapun situasinya, integriti perlu dijadikan amalan kerana masih terdapat peraturan yang perlu dipatuhi oleh penjawat awam dalam kebiasaan baharu termasuklah berkaitan dengan pengurusan dokumen terperingkat. Tidak mematuhi SOP PKP dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) juga dikira sebagai tidak berintegriti kerana melanggar peraturan-peraturan penjawat awam.

Kajian PricewaterhouseCoopers Global Economic Crime and Fraud pada tahun 2018 mendapati, sebanyak 11 peratus responden kehilangan peluang perniagaan disebabkan syarikat pesaing membayar suapan. Kemudian jumlah itu meningkat kepada 30 peratus dalam tempoh krisis COVID-19 pada tahun 2020. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki memaklumkan bahawa aktiviti rasuah serta salah guna kuasa tetap berlaku walaupun dalam keadaan banyak sektor ekonomi dan sosial ditutup.

Sepanjang tempoh krisis pandemik pada tahun lalu, sebanyak 422 kertas siasatan dibuka membabitkan kes rasuah, selain 467 tangkapan, 256 pertuduhan di mahkamah dan 91 kes sabitan yang kesemuanya membabitkan penjawat awam. Harus diakui bawah

pelanggaran integriti bermula pada individu yang didorong oleh pelbagai faktor termasuklah akibat tekanan ekonomi dan masalah kewangan peribadi. Angka kes yang membimbangkan sepanjang tahun lalu merupakan kesan kegawatan ekonomi yang menyebabkan semakin banyak individu terpaksa dan terdesak untuk mendapatkan wang tanpa memikirkan aspek integriti.

Apabila nilai integriti rapuh, ditambah dengan ruang dan peluang mendapat habuan lumayan daripada pemberi rasuah, maka kecenderungan untuk terjerumus ke dalam kancah ini amat besar. Ada kalanya penjawat awam tidak menyedari bahawa menerima hadiah daripada syarikat atau individu yang boleh mempengaruhi kelulusan atau sesuatu keputusan merupakan suatu kesalahan. Lebih-lebih lagi jika melanggar peraturan sedia ada seperti tidak mematuhi klausa kontrak atau membuat pakatan dengan pembekal bagi mendapatkan tunai.

Kelihatannya gejala rasuah dan isu integriti yang telah berakar umbi dalam kalangan masyarakat tidak cukup kuat untuk ditangani menerusi kaedah punitif atau hukuman semata-mata. Masyarakat perlu melihat secara holistik akar permasalahan yang menyebabkan isu ini terus bercambah. Isu integriti seperti kes tuntutan palsu, penyelewengan dana, transaksi bayaran tidak sah, salah guna kuasa, pecah amanah, khianat dan sebagainya bercambah daripada akar permasalahan yang sama, iaitu sikap materialistik manusia.

Walaupun aspek integriti sering dikaitkan dengan kebendaan dan impaknya kepada kehidupan sosial, namun dalam kes tertentu integriti juga memberikan impak kepada alam sekitar. Menurut Profesor Dr. Kassim Thukiman dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), menyatakan bahawa integriti amat penting dalam berurusan dengan makhluk selain manusia dalam ekosistem kehidupan dan persekitaran.



**Menolak rasuah amalan terpuji yang perlu dijadikan sandaran setiap insan.**

Oleh hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab yang besar ke atas penjawat awam untuk memastikan setiap projek yang diluluskan tidak menjejaskan alam sekitar. Perbuatan tidak berintegriti dalam menguruskan sumber-sumber alam berpotensi menjejaskan kelangsungan kehidupan lain di muka bumi ini. Hanya mereka yang mempunyai integriti akan menjaga amanah melestarikan alam sekitar untuk manfaat dan tatapan generasi akan datang.

Memang terdapat pegawai yang gelap mata apabila ditawarkan “wang pelincir” bagi memudahkan proses mendapatkan kelulusan sesuatu projek. Namun demikian, akibat daripada sikap tersebut juga memberikan kesan buruk kepada alam sekitar sekiranya peraturan-peraturan tertentu seperti Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) diabaikan. Maka itu, tidak hairanlah kerakusan manusia pada hari ini telah mengundang padah dan menyebabkan ketidakseimbangan alam semula jadi apabila terjadinya pemanasan global, banjir kilat, tanah runtuh, jerebu dan sebagainya. Natijahnya bencana yang menyusahkan rakyat bakal berlaku kesan daripada gangguan ekosistem.

Oleh itu, budaya integriti harus menjadi perjuangan sejagat yang bukan sahaja berkaitan dengan perkhidmatan awam, malah dalam kes rasuah misalnya, kedua-dua pihak pemberi dan penerima harus menerima hukuman yang setimpal. Lantaran itu, amalan rasuah masih boleh dihapuskan sekiranya tiada pemberi atau tiada penerima atau tiada kedua-duanya. Sifar rasuah bukanlah satu utopia sekiranya integriti berjaya diangkat sebagai budaya kehidupan masyarakat.

Oleh hal yang demikian, integriti harus berteraskan kejujuran dan prinsip moral yakni segala kod etika, peraturan dan undang-undang, piagam pelanggan dan garis panduan, dan amalan kerja yang telah ditetapkan harus dipatuhi dan dilaksanakan tanpa kompromi. Sikap yang hanya bijak berkata-kata tanpa melakukan apa-apa usaha yang konkrit hanya akan menyebabkan kegagalan kempen, program dan aktiviti pembudayaan integriti dan anti rasuah. Sehubungan dengan itu, budaya integriti bukan sahaja perlu disebar luaskan. Lebih dari itu, aspek ini perlu dipraktikkan. Umpama peribahasa, “ibu ketam mengajar anaknya berjalan lurus”, integriti tidak mungkin mampu menjadi kelaziman sekiranya individu, masyarakat dan negara masih mengamalkan cara dan budaya kerja yang sama seperti sebelumnya.

Ironinya, banyak yang telah diusahakan agar sektor awam terhindar daripada gejala rasuah dan isu integriti. Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada tahun 2004 kemudiannya digantikan dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019–2023, bermatlamat untuk menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan



YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali,  
Ketua Setiausaha Negara (KSN).

kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) juga memberikan jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana penjawat awam yang dibuktikan bersalah bersabit dalam kes rasuah. Komitmen kerajaan terus diperkukuh menerusi Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) apabila organisasi diberikan “taring dan kuku” untuk bertindak lebih tegas dan adil bagi menghalang, mencegah dan memerangi rasuah daripada peringkat individu hingga ke peringkat yang lebih tinggi berlandaskan undang-undang sedia ada.

Seterusnya, pengenalan Sistem Pengurusan Antirasuah atau *Anti-Bribery Management System* (ABMS) akan membantu organisasi mencegah, mengesan dan menangani risiko rasuah secara sistematik. Organisasi juga boleh menyediakan polisi tersendiri misalnya polisi tidak menerima hadiah, polisi perlindungan pemberi maklumat, dan menandatangani ikrar integriti sebagai aku janji menolak rasuah. Selain itu, inisiatif perkhidmatan pembayaran secara dalam talian seperti menerusi sistem iGFMAS juga dapat mengurangkan risiko rasuah dan penyalahgunaan kuasa berikutan kurangnya kontak dan unsur budi bicara.

Negara perlu memperkukuh kedudukannya dalam peta integriti global. Ranking Malaysia dalam indeks persepsi rasuah antarabangsa perlu diperbaiki. Amalan rasuah dan salah guna kuasa terutamanya membabitkan perkhidmatan awam perlu dibendung. Peneguhan integriti dalam kalangan penjawat awam diyakini dapat mengelakkan salah laku penyelewengan dan pembaziran seperti yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara (LAN) saban tahun.

Sementelahan itu, sebagai tunjang pentadbiran kerajaan, penjawat awam dan pekerja swasta perlu menyedari bahawa kemerosotan integriti boleh menjejaskan kredibiliti pentadbiran negara. Integriti yang tercemar menyebabkan organisasi tidak dihormati dan hilang kredibilitinya. Sebaliknya, pelaksanaan tanggungjawab yang diamanahkan dengan disertakan amalan prinsip-prinsip integriti akan dapat memastikan dana awam dibelanjakan dengan optimum tanpa menghadapi risiko ketirisan atau kebocoran. □

Penulis, berkelulusan Sarjana Sains Sosial (Sains Politik),  
Universiti Kebangsaan Malaysia.